

SELFIDE LOTION[®]

Selenium Sulphide (2.5% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Selfide Lotion
2. Bagaimana Selfide Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Selfide Lotion
4. Cara menggunakan Selfide Lotion
5. Semasa menggunakan Selfide Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Selfide Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Selfide Lotion

Selfide Lotion mengandungi bahan aktif yang dikenali sebagai Selenium Sulphide. Ia digunakan pada kulit kepala untuk mengawal gejala kelumumur dan penyakit keradangan yang menyebabkan lesi bersisik (*seborrhoeic dermatitis*). Ia juga digunakan untuk penyakit panau (*tinea versicolor*), sejenis penyakit kulit yang disebabkan oleh jangkitan kulat.

Bagaimana Selfide Lotion berfungsi

Selfide Lotion mempunyai fungsi antibakteria dan antikulat, ia melambatkan pertumbuhan bakteria dan kulat yang menyebabkan gejala penyakit.

Sebelum menggunakan Selfide Lotion

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan Selfide Lotion sekiranya anda:

- Mempunyai luka pada kulit
- Baru sahaja menjalani rawatan kimia (contohnya: mengerinting, menyahwarnakan, pelunturan) 48 jam sebelum ini.

Jangan menyapu Selfide Lotion pada kawasan kulit yang luas disebabkan oleh risiko keracunan sistemik.

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut menggunakan penyediaan ini.

Sebelum menggunakan Selfide Lotion

Beritahu doktor anda sekiranya anda:

- Sensitif kepada bahan aktif Selenium Sulphide atau bahan-bahan lain dalam ubat ini

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubat yang didapatkan tanpa preskripsi.

- Semasa mengandung dan menyusui bayi

Maklumkan kepada doktor sekiranya anda mengandung atau menyusui. Selfide Lotion adalah tidak disyorkan semasa mengandung dan menyusui kecuali manfaat melebihi risiko yang dijangka.

Cara menggunakan Selfide Lotion

Selfide Lotion digunakan untuk luaran sahaja. Goncang botol tersebut sebelum menggunakannya.

- Berapa banyak harus digunakan

• **Kelumumur dan seborrhoeic dermatitis:**
Kulit kepala: Sapukan 5-10ml pada rambut yang basah, urut hingga berbuih dan biarkan pada rambut selama 4-6 minit. Bilas dan ulangkan aplikasi tersebut. Rambut harus dibilas dengan teliti selepas rawatan supaya semua kesan losyen ditanggalkan dari tangan, dan kuku.

• **Tinea versicolor (panau):**

Sapukan losyen pada bahagian kulit yang terlibat dengan sedikit air supaya ia berbuih. Biarkannya selama 10 minit dan bilas sehingga bersih.

- Bila perlu digunakan

• **Kelumumur dan seborrhoeic dermatitis:**
Gunakan dua kali seminggu untuk 2 minggu, selepas itu, sekali seminggu, dan selepas itu guna sekiranya perlu atau mengikut nasihat doktor.

• **Tinea versicolor (panau):**

Gunakan setiap hari selama seminggu atau mengikut nasihat doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan bergantung pada masalah perubatan yang dirawat. Doktor anda akan menasihati anda mengenainya.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa menggunakannya, anda boleh terus menggunakannya seperti biasa. Anda tidak perlu menambah kekerapan penggunaan atau kuantiti losyen untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Oleh sebab Selfide Lotion hanya digunakan secara luaran, ia tidak akan menyebabkan terlebih dos. Walaubagaimanapun, bahan aktif selenium sulphide adalah sangat toksik sekiranya tertelan. Sekiranya anda atau sesiapa tertelan Selfide Lotion, anda hendaklah pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat dengan segera atau maklumkan kepada doktor anda. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaian atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau botol ubat dengan anda. Antara simptom keracunan akibat tertelan losyen termasuk nafas berbau seperti bawang putih, rasa logam di mulut, anoreksia (gangguan makanan), muntah-muntah, kekurangan darah, geletar, perpeluhan yang berlebihan, sakit perut, kelemahan, kelesuan, dan degenerasi lemak pada organ hati.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan penyediaan ini.

Semasa menggunakan Selfide Lotion

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa ambil Selfide Lotion mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengambil sebarang ubat lain untuk masalah yang sama.
- Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda telah mengandung, semasa mengambil Selfide Lotion.
- Jika anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Selfide Lotion.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan guna Selfide Lotion untuk merawat masalah lain kecuali atas nasihat doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan daripada terkena mata: Kesan iritasi (contohnya: pedih) mungkin berlaku. Sekiranya selenium sulphide terkena pada mata, bilas dengan air yang secukupnya.
- Bilas secukupnya: bahagian kulit yang terlibat perlu dibilas dengan bersih untuk mengurangkan kesan iritasi terutamanya pada lipatan kulit atau kawasan kemaluan.
- Tanggalkan barang-barang kemas sebelum menggunakan losyen ini kerana selenium sulphide boleh merosakkannya.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Selfide Lotion mungkin menyebabkan kesan sampingan, tetapi bukan setiap individu akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti berikut:

- Iritasi pada bahagian yang dirawat
- Kulit kepala berminyak
- Rambut bertukar warna
- Keguguran rambut

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan berterusan atau menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan Selfide Lotion

- Penyimpanan

Simpan di tempat sejuk dan kering di bawah suhu 30°C. Simpan dalam bungkusan yang ditutup rapi untuk melindungi daripada cahaya, haba dan kelembapan.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan guna Selfide Lotion yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak atau botol.

Sekiranya anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti menggunakan Selfide Lotion, atau ia telah melebihi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk mengendalikan baki ubat tersebut.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Selfide Lotion adalah ampaiian berwarna coklat kemerahan dan dipek dalam botol 30ml, 60ml atau 120ml.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif
Setiap ml mengandungi 2.5mg selenium sulphide.

- Bahan tidak aktif
Texapon 103 L, comperan LD, cutina AGS, colour perfume zalibra 6888, sodium chloride, sodium dihydrogen, phosphate, cetiol HE, dehyton K, citric acid, bentonite, bronidox, titanium dioxide, purified water.

- Nombor MAL

MAL19930491AZ

Pengilang

T.O Chemicals (1979) Ltd.,
280 Soi Sabaijai, Suthisarn Road,
Bangkok, 10320 Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn Bhd.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepng,
51200 Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/10/2015

Nombor siri:

BPFK(R4/1)201015/00376